

Perkhemahan Perdana Unit Beruniform (UNICAMP) Peringkat Sekolah Tahun 2022 SMK Pantai, WP LABUAN



Labuan, 22 Ogos – SMK Pantai, Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Perkhemahan Perdana Unit Beruniform (UniCamp) peringkat sekolah tahun 2022 yang berlangsung selama tiga hari dua malam bermula 19 ogos sehingga 21 ogos 2022.

Perkhemahan tersebut merupakan anjuran Unit Kokurikulum dengan kerjasama Unit Beruniform SMK Pantai yang terdiri daripada Kadet Polis, Kadet Bomba, Kadet Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kadet Sekolah Pertahanan Awam (KASPA), Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Puteri Islam, Pandu Puteri, Taekwondo dan Kadet Remaja Sekolah (KRS). Perkhemahan tersebut melibatkan 33 orang murid dari setiap unit beruniform berserta guru-guru penasihat.

Objektif perkhemahan tersebut diadakan adalah untuk menanam, memupuk dan memberi latihan awal daripada aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar. Selain itu, perkhemahan ini juga bertujuan untuk membentuk generasi yang mengamalkan sifat-sifat berdikari, bekerjasama dalam berpasukan, bertanggungjawab, yakin diri dan cekal hati dalam menghadapi cabaran serta membentuk masyarakat sekolah yang mempunyai hubungan erat dengan orang ramai yang saling memerlukan.



Taklimat Perkhemahan Perdana Unit Beruniform (UNICAMP) SMK Labuan

Tambahan pula, perkhemahan ini mampu meningkatkan pembelajaran menerusi pengalaman-pengalaman yang menyeronokkan dan selamat serta sejahtera dalam persekitaran yang berbeza. Perkhemahan ini juga bertujuan untuk melakukan aktiviti dengan mengutamakan ciri-ciri keselamatan dan pengisian masa lapang yang berfaedah. Akhir sekali, murid dapat memperolehi kemahiran dan pengalaman baru dalam aktiviti perkhemahan di kawasan sekolah sekali gus mengeratkan perpaduan dalam kalangan pelajar yang berbilang bangsa dan agama.

Perkhemahan ini merupakan acara tahunan yang penting bagi unit-unit beruniform sekolah. Aktiviti ini bertujuan

untuk membantu pelajar mempelajari, menggunakan dan mengukuhkan ilmu yang telah dan akan dipelajari semasa di sekolah. Aktiviti perkhemahan ini diharap dapat mendidik dan memberi pengalaman kepada pelajar. Pengalaman dan pengetahuan yang akan mereka perolehi dalam perkhemahan ini akan dapat digunakan oleh pelajar yang terlibat untuk kebaikan diri, masyarakat, dan negara khususnya.

Sepanjang perkhemahan ini, terdapat banyak pengisian yang menarik telah dijalankan termasuklah ikatan dan gajet rimba, senaman pagi, pertandingan ikhtiar hidup, pertandingan pertunjukan kebudayaan, pertandingan rentas halangan, khidmat masyarakat, persembahan seni mempertahankan diri Taekwondo, sukaneka dan pecah bedungan (*ice breaking*).



■ Aktiviti Ikhtiar Hidup



Aktiviti Rentas Halangan



Penyediaan Makanan dan Aktiviti Memasak dari unit KASPA Kemuncak perkhemahan ini adalah pada hari terakhir iaitu pada majlis penutupan kem perdana ini iaitu pada 21 Ogos 2022. Majlis penutupan dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu Wilayah Sejahtera dan nyanyian lagu sekolah seterusnya diikuti dengan bacaan doa oleh wakil murid. Kemudian, majlis diteruskan dengan tayangan montaj

perkhemahan yang telah disediakan oleh jawatankuasa dokumentasi perkhemahan.

Selesai tayangan montaj, majlis diteruskan dengan ucapan pengetua SMK Pantai iaitu Encik Ismail bin Abdullah. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah kepada semua peserta kem atas pelibatan sepanjang kem dijalankan selama tiga hari dua malam berlangsung. Beliau juga merakamkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Perkhemahan Perdana atas penganjuran program ini.

“Penganjuran perkhemahan ini merupakan satu usaha murni yang akan menjadi landasan dalam pembentukan peribadi dan sahsiah diri murid-murid. Melalui pengisian program yang memberikan penekanan khusus dalam membentuk disiplin seseorang pelajar, diharapkan agar perkhemahan ini bukan sahaja dapat mencorakkan kehidupan pelajar yang mempunyai disiplin diri yang tinggi, malah berupaya merencanakan masa depan bangsa dan negara”.
Encik Ismail Abdullah

Beliau turut meletakkan harapan agar semua peserta kem tidak akan melakukan dan mempunyai rekod salah laku disiplin pada masa akan datang selepas mengikuti program ini. Selain itu, beliau turut mendoakan agar semua murid SMK Pantai terus melakar kejayaan yang bakal membanggakan diri, keluarga, sekolah, masyarakat, bangsa dan agama.



Majlis Penutupan Perkhemahan Perdana Unit Beruniform Seterusnya, majlis penutupan diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan dan peserta kem. Juara keseluruhan telah dimenangi oleh unit PBSM, tempat kedua ialah KASPA dan tempat ketiga disandang oleh Kadet Polis. Peserta kem terbaik kategori lelaki dianugerahkan kepada saudara Mirza Muhammad bin Macmillon Malim daripada unit Kadet Bomba.

Manakala, peserta kem terbaik kategori perempuan ialah saudari Allieyanah Alexius daripada unit KASPA. Majlis penutupan berakhir dengan sesi fotografi oleh semua peserta dan diikuti dengan sesi fotografi mengikut unit beruniform bersama pengetua, barisan pentadbir dan guru penasihat.

Berita Oleh : SMK Pantai



Peserta Terbaik Kem Kategori Lelaki ialah saudara Mirza Muhammad bin Macmillon Malim dari unit Kadet Bomba. Manakala, Peserta Kem Terbaik Kategori Perempuan ialah saudari Allieyanah Alexius dari unit KASPA



Guru-guru penasihat unit beruniform